

09/04/1997

Perjanjian baru memudahkan syarikat Bumiputera

BUAT pertama kalinya Taman Teknologi Malaysia (TPM) yang dirasmikan tahun lalu oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menandatangani perjanjian persefahaman dengan Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan syarikat investee PUNB.

Dua buah syarikat investee PUNB pertama yang membuat perjanjian itu ialah Gagasan Elit Sdn Bhd dan Teknologam Sdn Bhd. Lapan buah lagi syarikat investee PUNB akan menandatangani perjanjian yang sama dalam masa tiga bulan lagi.

Usaha ini dijalankan bagi membantu usahawan Bumiputera menceburkan diri dalam industri teknologi tinggi, sekali gus merealisasikan saranan Perdana Menteri supaya usahawan Bumiputera menggunakan kepakaran, kemudahan dan peralatan yang terdapat di Pusat Pengeluaran Prototype TPM.

TPM diwakili oleh ketua eksekutifnya, Dr Mohd Salleh Ismail, PUNB juga diwakili oleh ketua eksekutifnya, Mat Hassan Esa, manakala syarikat Teknologam Sdn Bhd diwakili oleh pengarah urusannya, Mohd Kamal Bahrin Tahir dan syarikat Gagasan Elit Sdn Bhd diwakili oleh pengarah urusannya juga, Shahbudin Ishak.

Hadir menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu ialah Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed.

Menurut Mustapa, gabungan keusahawanan dengan teknologi mampu menghasilkan usahawan yang lebih berjaya dalam usaha membina kejayaan negara dalam pelbagai sektor ekonomi di peringkat global.

"Pelbagai usaha telah diambil untuk memenuhi keperluan kepada industri berteknologi tinggi, keperluan kepada industri intensif modal, automasi dan keperluan menggiatkan R&D dalam teknologi tinggi," kata Mustapa.

Selain itu projek besar yang sedang dibangunkan seperti Koridor Raya Multimedia (MSC), Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Cyberjaya, Proton City dan lain-lain lagi menjadi pemangkin Industri Teknologi Tinggi di negara ini.

Melalui perjanjian ini, TPM yang mempunyai Pusat Pengeluaran Prototaip akan berfungsi menyediakan teknologi pengilangan yang konsisten. Ia juga akan menyediakan kemudahan berkaitan termasuk mesin, peralatan, perkakasan dan tenaga kerja untuk memberikan perkhidmatan yang kompetitif dari segi kualiti, penyerahan dan kos.

PUNB pula akan menyediakan perkhidmatan rundingan teknikal yang menyeluruh tentang projek yang akan dijalankan termasuk penyelidikan dan pembangunan, pengeluaran yang konsisten, cekap dan perkhidmatan yang berkualiti di samping mencari atau memperkenalkan projek berkaitan yang baru kepada TPM.

Sementara syarikat investee PUNB pula akan bertindak sebagai ejen pemasaran dan menempah barangan pada jumlah yang dipersetujui dan terus menggunakan perkhidmatan TPM untuk projek akan datang.

Dengan termeterainya perjanjian ini diharapkan syarikat kewangan yang selama ini bersikap dingin terhadap mereka mula membuka pintu untuk mengeluarkan pinjaman kerana dengan adanya elemen penting yang dimainkan oleh TPM, PUNB dan syarikat investee PUNB sesungguhnya akan lebih meyakinkan.

Menurut Mohd Kamal syarikatnya dapat mengurangkan kos sehingga satu pertiga untuk membuat sebuah acuan melalui TPM.

Syarikatnya belum mampu untuk membeli sebuah mesin pembuat acuan. Dengan adanya TPM ia dapat mengurangkan kos di samping memperolehi satu produk

akhir yang lebih berkualitas.

(END)